

Integrasi Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Berasaskan Kit Media dalam Amalan Pembelajaran dan Pemudahcaraan Guru Pelatih Bahasa Arab

Saipolbarin Ramli*, Muhammad Taufiq Abdul Ghani, Nazri Atoh, Taj Rijal Muhammad Romli

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis integrasi antara elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan instrumen kit media dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru pelatih bahasa Arab UPSI. Ia melibatkan dua peringkat. Peringkat pertama merekabentuk dan mengolah kit media yang mempunyai elemen KBAT oleh guru pelatih bahasa Arab. Manakala peringkat kedua pula menganalisis keberkesanan penggunaan kit media ini sebagai satu medium efisien dan praktikal untuk digunakan sepanjang sesi latihan mengajar di sekolah. Kajian ini melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda (ISM) bahasa Arab dengan Pendidikan UPSI ambilan September 2014/2015 yang telah menjalani latihan mengajar pada Julai 2017 seramai 71 orang pelajar. Kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan dan pemerhatian semasa proses penyeliaan latihan mengajar. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan purata. Data kualitatif juga digunakan untuk melihat keberkesanan integrasi elemen KBAT dan instrumen kit media dalam amalan PdPc bahasa Arab. Integrasi penggunaan kit media dalam pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) bahasa Arab akan dapat meransang aktiviti KBAT dalam kalangan pelajar yang menjadi tunjang utama untuk menghasilkan perkembangan pelajar sebagai fokus dalam pendidikan.

© 2019 Penerbit Universiti Malaysia Pahang

Kata kunci: Bahasa Arab; Guru pelatih; KBAT; Kit Media; Pembelajaran dan pemudahcaraan.

The Integration of Higher Order Thinking Skills Elements Using a Media Kit in Learning and Facilitating Practices of Arabic Language Teacher Trainees

Abstract

This study aims to analyse the integration of Higher Order Thinking Skills (HOTS) elements using a media kit instrument in teaching and facilitating (PdPc) practices of UPSI Arabic language teacher trainees. This study basically comprises two stages in which the first stage involved designing and processing the media kit, which contains the HOTS elements, by the Arabic language teacher trainees. Meanwhile, the second stage involved analysing the effectiveness of the media kit application as an efficient and practical medium to be used throughout the teaching practice sessions in schools. The participants for this study were 71 undergraduates of Bachelor in Arabic Language (with Education) of September 2014/2015 intake, which have previously completed their teaching training in July 2017. This study used survey and observation methods during the supervisory process of teaching training. The quantitative data were analysed descriptively to obtain the frequency, percentage and mean average. The qualitative data were then used to analyse the effectiveness of HOTS elements and the media kit instrument integration in the Arabic language PdPc practices. The integration of media kit in learning and facilitating practices of Arabic language would stimulate HOTS activities among students as the main anchor in students' development specifically in education.

Keywords: Arabic language; HOTS; Media kit; Teacher trainee; Teaching and learning.

* Corresponding author: Tel.: +6054506276

E-mail addresses: saiopolbarin@fbk.upsi.edu.my [Ramli, S.]; taufiq@fbk.upsi.edu.my [Abdul Ghani, M.T.]; nazri.atoh@fbk.upsi.edu.my [Atoh, N.]; taj.rijal@fbk.upsi.edu.my [Muhammad Romli, T. R.]

PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia mengalami perubahan sejarah dengan perkembangan semasa bagi melahirkan insan yang seimbang dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang menggantikan Kurikulum Baharu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan antara transformasi yang berlaku dalam sistem pendidikan di Malaysia. Perubahan utama dalam KSSM adalah penekanan kepada amalan berfikir secara kritis dan kreatif dan perlaksanaan penyoalan dalam bentuk KBAT (Chew Fong Peng & Shashipriya Nadaraja, 2014). Guru-guru disaran menggalakkan murid menggunakan KBAT kerana kemahiran berfikir adalah antara keperluan utama seseorang murid untuk bersaing pada peringkat antarabangsa (PPPM 2013-2025, KPM 2013) di samping penguasaan ilmu dan kemahiran sesuatu disiplin ilmu.

Pelaksanaan KBAT dalam kurikulum di sekolah-sekolah Malaysia bermula dengan pengenalan kepada Kemahiran Berfikir (KB) yang diterapkan dalam KBSR dan KBSM. Seterusnya diikuti dengan pelaksanaan Kemahiran berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK) sekitar tahun 1994 (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017). Pada tahun 1998 satu kajian berkaitan dengan KBAT untuk subjeks bahasa Melayu dan bahasa Inggeris telah dilakukan oleh Rajendran (2001) dan ia menjadi titik permulaan penekanan serius terhadap KBAT dalam sistem pendidikan di Malaysia (Nor Azza, 2013).

Pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) pada 6 September 2013 oleh Menteri Pendidikan sekali lagi telah melonjakkan transformasi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Terdapat 11 anjakan dalam PPPM yang turut menggariskan beberapa perkara bagi tujuan meningkatkan kualiti pendidikan nasional (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017a). KBAT adalah perkara yang diberi penekanan utama atau sebagai inisiatif utama yang perlu dijalankan oleh beberapa bahagian utama di Kementerian Pendidikan Malaysia (Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013- 2015). Kementerian juga menerapkan elemen KBAT yang terdiri daripada tiga elemen utama iaitu kurikulum, pentaksiran dan pedagogi. Semua elemen ini bertujuan untuk membudayakan KBAT dalam kalangan guru dan murid (Elemen KBAT dalam Pedagogi, 2014). Melalui transformasi dalam sistem pendidikan ini, penekanan kepada amalan KBAT merangkumi semua bidang ilmu yang diajar di sekolah-sekolah Malaysia, termasuklah bahasa Arab.

Melihat kepada konteks bahasa Arab di Malaysia, data menunjukkan pengajaran bahasa Arab di Malaysia adalah sebagai bahasa yang dipelajari untuk tuntutan agama (Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa, 2016). Selain itu, kurikulum bahasa Arab di Malaysia juga lebih bersifat tegar dan statik serta tertumpu kepada pengajaran secara stereotaip seperti pengajaran nahu dan balaghah (Saipolbarin, Nazri Atoh, Zarima Mohd & Mohammad Ariffin, 2017). Keadaan ini menjadikan para pelajar tidak berminat untuk mempelajari bahasa Arab (Abdul Hakim Abdullah, Ab.Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hafisah Zakaria, 2016). Terdapat juga dakwaan yang melabelkan bahasa Arab sebagai bahasa yang tidak bersifat keilmuan (Zainudin, 2018). Oleh itu kajian ini dijalankan untuk membuka satu skop baru dalam PdPc bahasa Arab di Malaysia bagi penyediaan kepada sumber tenaga guru untuk mengajar subjek bahasa Arab dengan menerapkan penggunaan kit media di samping mengintegrasikan KBAT dalam PdPc. Perihalan ini secara tidak langsung dapat mewujudkan suasana PdPc yang berorientasikan pelajar selaras dengan konsep Pengajaran dan Pembelajaran 4.0 (PdP 4.0).

Kit media ini merupakan salah satu bahan bantu mengajar yang digunakan oleh para guru pelatih dalam aktiviti PdPc bahasa Arab. Kit media yang digunakan oleh guru pelatih bertindak sebagai pembolehubah yang turut mempengaruhi keberkesanannya dan kejayaan sesuatu PdPc (Nurzaemah Ismail, Maimun Aqsha & Junaidah Mat, 2015). Dalam menentukan kejayaan sesuatu PdPc, ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang bertindak sebagai pembolehubah. Ini kerana satu amalan pengajaran dan pembelajaran dalam satu bilik darjah tidak semestinya akan berjaya juga dalam bilik darjah yang lain. Ia dipengaruhi oleh banyak faktor seperti faktor guru sendiri, faktor intelektual serta motivasi diri pelajar dan faktor persekitaran pembelajaran seperti suasana pembelajaran yang kondusif, waktu pembelajaran serta pengaruh dari rakan sebaya (Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli & Mohd Zawawi, 2016).

Kesediaan guru pelatih untuk mengintegrasikan kit media dan elemen KBAT dalam penyediaan proses pengajaran merupakan antara pembolehubah utama yang akan menentukan kejayaan dan keberkesanannya

aktiviti PdPc (Saipolbarin et al., 2017). Ia juga merupakan satu inovasi yang digunakan oleh guru untuk memusatkan aktiviti PdPc kepada pelajar sejajar dengan kehendak dan konsep PdP 4.0. Pendekatan pengajaran menggunakan kit media kepada pelajar adalah sebagai satu alternatif dalam mempelbagaikan penggunaan BBM dalam PdPc.

Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan guru pelatih terhadap amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Jenis dan bentuk kit media yang digunakan untuk tujuan merangsang PdPc bahasa Arab di sekolah turut dikenal pasti dalam kajian ini. Selain itu, proses terakhir dalam kajian ini adalah menghasilkan satu kit media yang mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab di sekolah.

SOROTAN LITERATUR

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pelaksanaan KBAT di dalam bilik darjah memerlukan perubahan dari sudut kurikulum, pedagogi, dan pentaksiran. Kurikulum yang dibentuk bersandarkan KBAT perlu ditulis secara eksplisit dalam dokumen kurikulum, manakala pelaksanaan pedagogi pula perlu dilakukan dengan pelbagai strategi PdPc dengan menerapkan elemen KBAT seperti alat berfikir, soalan aras tinggi dan teknik inkuiiri. Selain itu, pentaksiran juga perlu dipelbagaikan menerusi soalan berbentuk aras tinggi dalam peperiksaan pusat yang dilakukan secara berterusan melalui Penilaian Berasaskan Sekolah (KPM, 2013).

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik berkaitan KBAT dalam pedagogi. Antaranya kajian Chew (2006) mendapatkan bahawa kebanyakan responden guru dan pelajar bersetuju dengan pelaksanaan KBAT dalam proses PdPc KOMSAS bahasa Melayu. Dapatkan ini selari dengan salah satu objektif KBSM yang menjurus kepada perkembangan dan peningkatan intelek serta pemikiran rasional. Selain itu, elemen KBAT ini juga memberi kesan terhadap minat pelajar terhadap sesuatu subjek. Othman dan Munada (2009) menyatakan bahawa elemen KBAT merupakan satu keperluan asas yang perlu dimasukkan dalam pedagogi bagi subjek Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, beberapa penambahbaikan perlu dilakukan semasa proses PdPc berjalan seperti interaksi sesama pelajar ketika pelaksanaan proses set induksi, pengendalian sesi perbincangan dalam kalangan pelajar dan guru bagi meningkatkan penguasaan KBAT dalam subjek Pendidikan Islam (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2016).

Bagi melahirkan modal insan abad ke-21 dan menjayakan aspirasi KPM terhadap amalan KBAT, kesediaan guru menjadi titik tolak kepada kejayaan tersebut kerana guru merupakan pelaksana kepada kurikulum yang digubal (Mohamad Nurul Azmi, Nurzatulshima, Umi Kalthom & Mohd Hazwan, 2017). Kajian Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) mendapatkan bahawa tahap kesediaan guru sejarah di negeri Perak terhadap KBAT masih di tahap sederhana, tetapi mereka positif terhadap amalan KBAT di dalam proses PdPc. Hasil dapatkan juga menunjukkan tahap kesediaan pengetahuan guru berkait rapat dengan pengalaman guru. Selain itu, kurang pengetahuan terhadap KBAT menyukarkan guru untuk mengaplikasikannya dalam proses PdPc (Sharifah Nor, P., Nor Adibah, G., Mohd Mahzan, T. & Aliza, A, 2012). Tambahan pula, dalam kalangan guru matematik di dua buah sekolah rendah di negeri Pahang menunjukkan guru-guru menghadapi kesukaran dalam membina soalan KBAT (Nooriza & Effandi, 2015; Irma-Ain & Zolkepeli, 2017). Oleh itu, bagi memantapkan pelaksanaan KBAT, guru-guru memerlukan kursus yang mencukupi di samping sokongan dan perkembangan profesional yang berterusan (Mohamad Nurul Azmi & Nurzatulshima, 2017; Nooriza & Effandi, 2015).

Selain aspek guru, elemen KBAT juga perlu diterapkan melalui amalan pedagogi abad ke-21. Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017b) mendapatkan bahawa terdapat 12 bahan bantu mengajar (BBM) yang digunakan oleh guru Pendidikan Islam di negeri Perak. Guru-guru banyak memberi penekanan kepada BBM rutin seperti buku teks, dan komputer berbanding BBM sampingan seperti kad imbasan dan kertas mahjong. Kesemua BBM ini menjadi bahan sokongan semasa proses PdPc yang berteraskan KBAT. Terdapat tiga jenis aktiviti yang melibatkan kemahiran berfikir di dalam bilik darjah yang sering digunakan oleh guru, iaitu perbincangan dalam kumpulan, aktiviti berpasangan, dan soal jawab. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga aktiviti kognitif ini tidak menunjukkan proses pembangunan KBAT dalam pengajaran (Kamarudin & Ghani, 2011). Hal ini kerana guru di Malaysia lebih cenderung kepada pelajar untuk menguasai asas kandungan

subjek yang disebabkan oleh budaya berorientasikan peperiksaan, dan tidak kepada memahami dan menggunakan KBAT (Sulaiman, 2003; Zailani & Dahlan, 2005).

Selain itu, guru juga perlu mengasah bakat dan menarik minat pelajar untuk menggunakan KBAT (Rajendran, 1998; Sternberg, 2013). Sesetengah guru menggunakan pelbagai pendekatan bukan sahaja untuk memotivasi pelajar, tetapi juga untuk mewujudkan minat dan keseronokan terhadap aktiviti yang melibatkan KBAT. Pelbagai aktiviti KBAT boleh dijalankan semasa proses PdPc seperti debat, perbincangan, dan senario peranan, mengasalisis dan mensintesis, aktiviti *brainstorming* (Abdul Wahab, 2014; Pilus, 2011) untuk mencapai objektif pengajaran (Hamza & Griffith, 2006). Manakala dari aspek pentaksiran, Suzana dan Mohammad Zeeree (2017) mendapati bahawa pentaksiran formatif di dalam bilik darjah masih terdapat kelompongan yang perlu ditambah baik dalam usaha menerapkan elemen KBAT dalam domain kognitif, afektif, psikomotor dan kemahiran berbahasa. Selain itu, segelintir guru masih terpengaruh dengan pengajaran berpusatkan guru dan tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan KBAT di dalam tugas mereka.

Sorotan literatur di atas menunjukkan pelaksanaan KBAT memerlukan komitmen dan kerjasama dari pelbagai pihak terutama guru dan pihak berautoriti bagi menjayakan hasrat KPM, tetapi masih kurang mencapai objektifnya. Hal ini disebabkan oleh guru yang tidak mendapat pendedahan dan pengetahuan sepenuhnya tentang aplikasi KBAT di dalam proses PdPc. Bagi memastikan KBAT berjaya dijalankan, semua pihak perlu bekerjasama untuk memastikan bakal guru, guru dan para pelajar terdedah dengan teknik pengajaran KBAT yang terkini agar objektif pendidikan kebangsaan untuk melahirkan generasi muda yang berfikiran kreatif dan kritis tercapai.

METODOLOGI

Metodologi campuran digunakan yang melibatkan dua rekabentuk kajian iaitu kajian berbentuk deskriptif dan kajian berbentuk kuasi-eksperimen. Kedua-dua rekabentuk kajian ini merujuk kepada Model Instruksional ADDIE, Model Pengintegrasian Teknologi (*Technology, Integration, Planning*) oleh Roblyer (2010) dan Model Integrasi Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (*Pedagogical Content Knowledge*) Shulman (1986). Model ADDIE adalah berlandaskan behaviorisme, cetusan idea yang dikembangkan oleh Dick dan Carey (1996) untuk merancang sistem model pembelajaran. Model ADDIE ini terdiri dari kompenan menganalisis (*analysis*), merekabentuk (*design*), membangunkan (*develop*), melaksanakan (*implement*) dan membuat penilaian (*evaluate*).


Model TIP oleh Roblyer dan Doering (2010) pula merujuk kepada cara bersistematis untuk mengintegrasikan media dan teknologi ke dalam pembelajaran yang melibatkan lima peringkat dalam kajian iaitu penentuan manfaat relative (*determine relative advantage*), penentuan objektif dan penilaian (*decide on objectives and assessment*), merekabentuk strategi integrasi (*design integration strategies*), penyediaan persekitaran pengajaran (*prepare the instructional environment*) dan penilaian dan pemurniaan strategi integrasi (*evaluate and revise integration strategies*). Manakala Model Integrasi PCK Shulman (1986) pula ialah satu jenis pengetahuan yang unik bagi seseorang guru dan ia berdasarkan kepada cara guru mengaitkan pengetahuan pedagogi yang dimiliki kepada pengetahuan isi kandungan. Integrasi kedua-dua jenis pengetahuan ini menghasilkan pengetahuan pedagogi isi kandungan yang menampilkan kebolehan seseorang guru untuk mengubah pengetahuan isi kandungan yang dimilikinya kepada bentuk yang sesuai untuk pengajaran.

Model ADDIE dalam kajian ini untuk kompenan analisis (*analysis*) merujuk kepada proses menganalisis tahap penguasaan kemahiran pedagogi yang berdasarkan kit media dalam PdPc bahasa Arab dalam kalangan guru pelatih. Instrumen soal selidik digunakan dalam proses mendapatkan data pada peringkat ini. Proses seterusnya ialah merekabentuk (*design*) dan membangunkan (*develop*) kit media yang sesuai untuk digunakan dalam PdPc bahasa Arab seperti youtube, powtoon, audio dan sebagainya untuk kegunaan dalam PdPc bahasa Arab. Hierarki Kon Dale (1969) dijadikan panduan dalam penyediaan kit media ini.

Berpandukan model pengintegrasian teknologi (TIP) oleh Roblyer dan Doering (2010), guru pelatih diminta untuk mengintegrasikan kit media dengan elemen KBAT dalam PdPc yang dijalankan. Secara praktikal,

guru pelatih tidak mengalami masalah dalam menyediakan kit media kerana mereka telah mengikuti kursus wajib universiti berkaitan dengan teknologi iaitu Kompetensi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (MTE3012) pada semester ketiga pengajian. Pada peringkat permulaan, guru pelatih diminta untuk menyediakan kit media secara berkumpulan. Guru pelatih diagihkan kepada 14 kumpulan yang mana setiap kumpulan terdiri daripada lima atau enam orang. Kit media yang dihasilkan secara berkumpulan ini seterusnya digunakan (*implement*) oleh setiap ahli kumpulan dalam PdPc di sekolah masing-masing. Peringkat ini melibatkan metode kuasi-eksperimen yang melibatkan penggunaan kit media yang dihasilkan dalam dalam PdPc bahasa Arab di samping mengambil kira kit media yang dihasilkan adalah bersesuaian dengan sukanan tajuk yang diajar. Seterusnya guru pelatih akan menyiapkan kit media yang mengintegrasikan elemen KBAT secara individu dengan mengambil kira konteks kesesuaian tajuk di sekolah masing-masing.

Keberkesanan penggunaan model kit media ini seterusnya dinilai (*evaluate*) setiap kali selesai PdPc bahasa Arab yang menggunakan kit media dan elemen KBAT. Data berkaitan dengan keberkesanan penggunaan kit media dan elemen KBAT ini diperolehi melalui metode kuasi-eksperimen yang dijalankan. Data berkaitan dengan penguasaan dan pencapaian pelajar terhadap sesuatu topik yang menggunakan instrumen kit media dan kaedah konvensional dikumpul dalam proses kuasi-eksperimen ini. Data juga diperolehi melalui penulisan refleksi dan soal selidik yang diedarkan kepada para pelajar. Pelaporan berkaitan dengan penyediaan, penggunaan dan keberkesanan kit media ini sepanjang tempoh latihan mengajar dilakukan oleh guru pelatih dalam Seminar Refleksi Latihan Mengajar (KPR3012) pada semester lapan pengajian di UPSI. Model Integrasi PCK Shulman (1986) dalam kajian ini merujuk kepada kaedah penyampaian guru pelatih terhadap kandungan subjeks bahasa Arab seperti yang terdapat dalam sukanan pelajaran di samping menggunakan domain kognitif aras tinggi seperti aras analisis, sinteksis dan penilaian kepada para pelajar semasa proses PdPc. Gerak kerja dalam menyiapkan kajian ini digambarkan dalam kerangka teoritikal seperti di dalam Rajah 1.



Rajah 1. Kerangka Teoritikal Kajian.

3.1 Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 71 orang pelajar semester lima Ijazah Sarjana Muda bahasa Arab dengan Pendidikan UPSI ambilan September 2014/2015 yang telah menjalani latihan mengajar pada Julai 2017. Guru pelatih ini telah menjalani latihan mengajar di sekitar negeri Perak, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan sebanyak 37 buah sekolah untuk tempoh selama 16 minggu. Cabaran utama yang dihadapi oleh guru pelatih untuk mengintegrasikan kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab semasa latihan mengajar ialah cara pengendalian proses PdPc yang berkesan. Ia melibatkan aspek

penguasaan ilmu pengetahuan dalam bidang bahasa Arab, penguasaan kemahiran bidang pedagogi dan teknologi serta sikap guru pelatih itu sendiri.

Dalam konteks guru pelatih UPSI, mereka telah dilatih untuk menguasai semua aspek tersebut. Semua guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar di sekolah, mereka telah mengikuti kursus-kursus pendidikan wajib universiti bermula pada semester 4 pengajian dengan mengambil kursus BAP3016 (Prinsip Pengajaran Bahasa Arab Sebagai Bahasa Asing). Dalam kursus ini, guru pelatih didedahkan dengan teori-teori PdPc, pedagogi dan metodologi pengajaran yang digunakan dalam pengajaran bahasa asing. Pada semester 5 pengajian pula, guru pelatih mengambil kursus KPD3016 (Pengajaran, Teknologi & Penaksiran 1). Kesinambungan kursus ini diteruskan dalam kursus KPD3026 (Pengajaran, Teknologi & Penaksiran 2) pada semester 6 pengajian. Dalam kursus ini, guru pelatih didedahkan dengan aspek pengajaran yang melibatkan penggunaan elemen teknologi secara menyeluruh yang akan diaplikasi dalam proses pengajaran makro dan mikro. Keperluan pengetahuan dan penguasaan dalam bidang teknologi adalah penting untuk membantu pencapaian objektif PdPc di dalam kelas. Ketiga-tiga kursus ini merupakan kursus pra syarat sebelum menjalani latihan mengajar di sekolah. Ia bertindak sebagai kursus persediaan kepada guru pelatih sebelum menjalani latihan mengajar di sekolah.

3.2 Instrumen Kajian

Terdapat dua jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini iaitu instrumen soal selidik dan instrumen penulisan refleksi. Instrumen soal selidik digunakan untuk mengetahui tahap kesediaan guru pelatih terhadap amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Selain itu, instrumen soal selidik juga digunakan untuk mengetahui keberkesanannya amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Instrumen soal selidik ini mengandungi subskala pengetahuan pedagogi, multimedia dan sikap yang disesuaikan daripada kajian Foulger, Burke, Williams, Waker, Hansen dan Sykhuis (2013). Selain itu, skala likert positif juga digunakan bagi perlambangan, skala 5 untuk sangat setuju, skala 4 untuk setuju, skala 3 untuk kurang bersetuju, skala 2 untuk tidak bersetuju dan skala 1 untuk sangat tidak bersetuju. Data yang diperolehi dari soal selidik dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS.

Instrumen penulisan refleksi pula merujuk kepada penulisan refleksi RPH yang disediakan oleh guru pelatih setiap kali selesai menjalankan aktiviti PdPc bahasa Arab. Melalui penulisan refleksi RPH yang dilakukan oleh guru pelatih, data berkaitan dengan kekuatan dan kelemahan amalan PdPc dapat diperolehi. Secara tidak langsung, melalui penulisan refleksi RPH yang dilakukan oleh guru pelatih, data berkaitan dengan keberkesanannya amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab dapat diketahui. Setiap guru pelatih diminta membuat refleksi keberkesanannya amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab yang merangkumi aspek minat pelajar, tahap penguasaan pelajar, keselesaan guru pelatih menggunakan kit media dan kesesuaian penggunaan kit media dengan tajuk pengajaran.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan guru pelatih terhadap amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Soal selidik dilakukan untuk mengetahui tahap kesediaan guru pelatih terhadap penggunaan kit media berkaitan dengan elemen KBAT dalam PdPc. Tahap kesediaan ini berkait rapat dengan penguasaan ilmu dalam bidang kurikulum bahasa Arab, penguasaan kemahiran kit media, kemahiran pedagogi dan mengetahui dengan jelas elemen KBAT dalam kurikulum semasa. Tahap kesediaan guru ini perlu diberi perhatian kerana guru adalah pelaksana kepada kurikulum yang digubal dan merupakan tunggak utama dalam memastikan kejayaan amalan KBAT dalam PdPc di sekolah (Mohamad Nurul et al., 2017). Semua aspek ini merupakan pembolehubah yang mempengaruhi tahap kesediaan guru pelatih dalam PdPc bahasa Arab. Data soal selidik yang dijalankan seperti di Jadual 1.

Jadual 1. Tahap kesediaan guru pelatih terhadap kit media dan elemen KBAT.

No.	Item	1	2	3	4	5
1	Menguasai kurikulum bahasa Arab dengan baik	6	35	30		
2	Mengetahui dan menguasai teknologi dalam media pendidikan	15	45	11		
3	Menguasai elemen KBAT dalam kurikulum bahasa Arab	3	8	60		
4	Mengetahui tajuk-tajuk yang sesuai menggunakan kit media dalam KBAT	5	3	63		

Jadual 1 menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih terhadap amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Tahap kesediaan guru pelatih ini dilihat dari tiga aspek utama iaitu penguasaan terhadap kurikulum bahasa Arab, penguasaan teknologi dalam media pendidikan dan penguasaan berkaitan dengan elemen KBAT dalam PdPc. Data menunjukkan guru pelatih mengetahui taburan tajuk yang sesuai menggunakan kit media dalam KBAT dengan jumlah peratus sebanyak 89% diikuti dengan penguasaan terhadap elemen KBAT dalam kurikulum bahasa Arab dengan jumlah peratus sebanyak 85%. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan guru pelatih sentiasa positif terhadap amalan KBAT dalam PdPc di sekolah.

Penguasaan terhadap teknologi dalam media pendidikan pula menunjukkan peratus yang rendah dengan jumlah sebanyak 16% guru pelatih dapat menguasai teknologi dalam media pendidikan dengan baik. Penguasaan terhadap teknologi dalam media pendidikan dan perlaksanaan amalan KBAT dalam PdPc di sekolah adalah berkait rapat dengan pengalaman guru seperti yang dinyatakan dalam kajian Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018). Dalam situasi guru pelatih bahasa Arab, pengalaman dalam amalan PdPc bahasa Arab masih lagi sedikit dan ia merupakan faktor yang menyebabkan penguasaan terhadap teknologi dalam media pendidikan berada pada peratus yang rendah.

Setelah data berkaitan dengan kesediaan guru pelatih diperolehi, peringkat seterusnya ialah penyediaan kit media yang mengintegrasikan elemen KBAT. Guru pelatih juga diminta untuk mengenal pasti dan memberi justifikasi item KBAT yang terdapat dalam kit media yang dihasilkan. Kit media yang telah disediakan oleh guru pelatih secara berkumpulan dinyatakan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Kit media dan elemen KBAT yang disediakan oleh guru pelatih.

Tajuk	Bidang	Jenis	Item KBAT (Ya / Tidak)
Maze Runner	Ulangkaji keseluruhan tajuk	<i>Audio Visual</i>	Tidak
UNO & Roda Kehidupan	Ulangkaji keseluruhan tajuk	<i>Powerpoint</i>	Tidak
Safar Sa'adah	Perlancongan	<i>Youtube</i>	Ya
E-Gambar	Kosa kata	Scan gambar	Ya
Radio Ajaib	Kata Kerjaan & Kata Ganti Diri	Audio	Tidak
Interaktif Bahasa Arab	Bina Ayat Kerjaan Bahasa Arab	Aplikasi (<i>off & online</i>)	Ya
Permainan padan & warna	Bina Ayat Namaan Bahasa Arab	<i>Powtoon</i>	Ya
Kamishiba & Dam Ular	Pengajaran nombor	<i>Power point</i>	Tidak
Jumanji	Kemahiran Membaca	<i>QR Bar code/blogspot</i>	Ya
Kitab al-Zakiyyu	Aktiviti berkumpulan	Audio & Video	Ya
Rantaiku 7 Loket	Kosa kata	Audio & <i>power point</i>	Tidak
Lu'bah al-Dhamair	Kata Ganti Diri	<i>Power point</i>	Tidak
Cakera Cerita	Kemahiran Mendengar	<i>Movie maker</i>	Tidak
Gina Arabiy	Kemahiran Membaca	<i>Visual & powerpoint</i>	Ya

Berdasarkan jadual 2, data menunjukkan tidak semua kit media yang dihasilkan oleh guru pelatih dapat mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdPc. Hanya tujuh kit media yang dihasilkan dapat mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdPc yang telah dijalankan. Kit media dengan elemen KBAT yang dihasilkan ialah penggunaan youtube untuk tajuk Safar Sa'adah, penggunaan scan-gambar untuk tajuk kosa kata, penggunaan media interaktif untuk tajuk ayat kata kerjaan dalam bahasa Arab, penggunaan powtoon untuk tajuk ayat kata namaan dalam bahasa Arab, penggunaan audio dan video untuk aktiviti berkumpulan dan penggunaan visual serta powerpoint untuk tajuk kemahiran membaca.

Terdapat dua bentuk aktiviti yang dipraktikan dalam penggunaan kit media oleh guru pelatih yang dapat menonjolkan elemen KBAT dalam kalangan pelajar ketika aktiviti PdPc. Bentuk pertama ialah soalan pengukuhan yang digunakan dalam setiap kit media yang dihasilkan. Soalan pengukuhan yang digunakan merujuk kepada jenis soalan soal jawab secara lisan dan juga soalan dalam bentuk bertulis. Kedua-dua jenis bentuk soalan ini merupakan aktiviti PdPc yang dapat merangsangkan amalan KBAT dalam kalangan pelajar (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017a). Kit media yang digunakan juga tidak hanya merujuk sebagai BBM sahaja, tetapi ia juga merupakan item yang digunakan secara menyeluruh dalam proses pengajaran, perkembangan dan aktiviti pengukuhan sepanjang PdPc. Penggunaan kit media ini dapat dilihat secara menyeluruh penggunaannya dalam langkah pertama, kedua dan ketiga dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang disediakan oleh guru pelatih.

Bentuk kedua pula ialah kit media digunakan dalam aktiviti berkumpulan yang memberi fokus kepada perbincangan dalam kumpulan untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau isu. Aktiviti perbincangan dalam kumpulan merupakan antara aktiviti yang dapat merangsangkan amalan KBAT dalam kalangan pelajar (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017a). Kit media yang dihasilkan dalam aktiviti ini dapat menggalakkan pelajar untuk berfikir bagi mencari jawapan kepada permasalah dan isu yang dikemukakan. Aktiviti ini berlaku dalam langkah ketiga ketika dalam RPH yang disediakan oleh guru pelatih.

Melihat kepada kit media yang tidak mengintegrasikan elemen KBAT yang dihasilkan oleh guru pelatih, semua kit media ini hanya berperanan sebagai BBM dalam set induksi sahaja yang tidak melibatkan konteks keseluruhan isi kandungan PdPc. Keadaan ini menyebabkan kit media yang dihasilkan sekadar dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti aktiviti PdPc yang akan berlaku tanpa melibatkan kandungan matapelajaran. Selain itu, faktor kurang pengetahuan terhadap elemen KBAT juga telah menyukarkan guru untuk mengaplikasikannya dalam amalan PdPc seperti yang dinyatakan dalam kajian Sharifah Nor, P., Nor Adibah, G., Mohd Mahzan, T. & Aliza, A (2012).

Setelah kit media yang mengintegrasikan elemen KBAT digunakan dalam PdPc bahasa Arab, analisis keberkesaan dilakukan yang melibatkan aspek guru pelatih, aspek pelajar dan aspek kit media itu sendiri. Data diperolehi melalui instrumen soal selidik dan analisis penulisan refleksi RPH guru pelatih. Jadual 3 menunjukkan respon guru pelatih terhadap keberkesaan kit media dalam mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab yang diperolehi dari instrument soal selidik yang diedarkan kepada guru pelatih.

Jadual 3. Maklumbalas guru pelatih terhadap integrasi kit media & elemen KBAT dalam PdPc Bahasa Arab.

No.	Item	1	2	3	4	5
1	Kit media berkesan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap tajuk yang diajar.			6	65	
2	Kit media dapat menarik minat pelajar berkaitan dengan tajuk yang diajar.			5	66	
3	Kit media yang diintegrasikan dengan elemen KBAT sesuai digunakan dalam PdPc bahasa Arab			1	70	
4	Kit media yang digunakan dapat memberi kesan positif terhadap amalan PdPc guru pelatih.				71	
5	Guru pelatih merasa selesa untuk menyediakan dan menggunakan kit media dalam PdPc bahasa Arab.	3	10	58		
6	Kit media yang digunakan mengambil kira faktor kos.			71		
7	Kit media yang dihasilkan mempunyai nilai komersial			11	60	

Berdasarkan Jadual 3, terdapat dua item maklum balas dari guru pelatih yang mencatatkan tahap persetujuan 100% iaitu kit media yang digunakan dapat memberi kesan positif terhadap amalan PdPc guru pelatih dan kit media yang digunakan mengambil kira faktor kos yang terlibat. Seramai 98% guru pelatih pula bersetuju bahawa kit media yang mengintegrasikan elemen KBAT sesuai digunakan dalam PdPc bahasa Arab. Peratus terendah dalam data ini adalah berkaitan dengan keselesaan guru pelatih untuk menyedia dan menggunakan kit media dalam PdPc bahasa Arab dengan jumlah sebanyak 82% guru pelatih. Untuk memantapkan pelaksanaan amalan KBAT dalam kalangan guru pelatih ini, kursus yang mencukupi di samping sokongan dan perkembangan profesional yang berterusan perlu disediakan (Mohamad Nurul Azmi & Nurzatalshima, 2017; Nooriza & Effandi, 2015).

Data berkaitan dengan keberkesanannya amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab juga diperolehi melalui penulisan refleksi RPH yang dilakukan oleh guru pelatih. Setiap guru pelatih diminta membuat refleksi berkaitan dengan keberkesanannya amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab yang merangkumi aspek minat pelajar, tahap penguasaan pelajar, keselesaan guru pelatih menggunakan kit media dan kesesuaian penggunaan kit media dengan tajuk pengajaran. Keseluruhan guru pelatih membuat refleksi bahawa amalan integrasi kit media dan elemen KBAT memberi kesan positif terhadap PdPc bahasa Arab yang merangkumi aspek guru pelatih sendiri, aspek pelajar dan aspek BBM yang digunakan.

Jadual 4. Refleksi RPH guru pelatih terhadap integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PDPC bahasa Arab.

No.	Item	1	2	3	4	5
1	Kit media dapat menarik minat pelajar berkaitan dengan tajuk yang diajar.					71
2	Kit media berkesan untuk meningkatkan kefahaman pelajar terhadap tajuk yang diajar.					71
3	Kit media yang diintegrasikan dengan elemen KBAT sesuai digunakan dalam PdPc bahasa Arab					71
4	Guru pelatih merasa selesa untuk menyediakan dan menggunakan kit media dalam PdPc bahasa Arab.					71

Antara refleksi yang guru pelatih ialah amalan integrasi kit media dan elemen KBAT ini secara tidak langsung dapat menarik minat pelajar untuk mengikuti PdPc bahasa Arab dan menjadikan aktiviti PdPc berpusatkan pelajar.

...penggunaan kit media dalam PdPc bahasa Arab dapat meningkatkan minat yang tinggi dalam kalangan pelajar untuk mempelajari bahasa Arab. Selain itu PdPc yang dijalankan lebih berpusatkan kepada pelajar... ”.

(Refleksi RPH pelajar 7)

Amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab juga telah dapat meningkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap subjeks bahasa Arab.

...pelajar dapat memahami dan menguasai tajuk yang diajar dengan lebih mudah. Pelajar dapat menjawab semua soalan yang diberikan dengan betul di samping perbincangan secara berkumpulan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan... .

(Refleksi RPH pelajar 12)

Data juga menunjukkan guru pelatih merasa selesa untuk menggunakan kit media yang mengintegrasikan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Kit media yang digunakan juga adalah bersesuaian dengan isi kandungan tajuk subjeks bahasa Arab.

...kit media yang digunakan dalam PdPc bahasa Arab membantu guru pelatih untuk menyampaikan isi kandungan bahasa Arab secara berkesan. Guru pelatih berkeyakinan untuk mengendalikan aktiviti PdPc bahasa Arab dengan menggunakan kit media. Penggunaan kit media yang sesuai dengan tajuk pengajaran telah dapat melancarkan perjalanan menjadikan aktiviti PdPc bahasa Arab.

(Refleksi RPH pelajar 35)

KESIMPULAN

Kajian ini dengan jelas menunjukkan guru pelatih ISM bahasa Arab dengan Pendidikan UPSI dapat menguasai isi kandungan bahasa Arab, kemahiran pedagogi dan teknologi dalam PdPc bahasa Arab sepanjang tempoh latihan mengajar. Walaupun terdapat item dalam soal selidik yang menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih terhadap amalan KBAT dan kit media berada pada nilai peratus yang sederhana, tetapi guru pelatih masih menunjukkan sikap positif terhadap amalan integrasi kit media dan elemen KBAT dalam PdPc bahasa Arab. Perkara ini juga dinyatakan dalam kajian Nur Hawa Hanis dan Ghazali (2018) terhadap kesediaan guru sejarah di negeri Perak terhadap KBAT.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa struktur pengajaran yang ditawarkan oleh pihak UPSI kepada pelajar ISM bahasa Arab dengan Pendidikan UPSI mempunyai kekuatan bagi penyediaan sumber tenaga manusia dalam bidang pendidikan di Malaysia. Kit media yang digunakan oleh guru pelatih telah dapat mengintegrasikan elemen KBAT dalam amalan PdPc di sekolah. Kepelbagaiannya kit media yang dihasilkan juga menunjukkan bahawa guru pelatih mempunyai kemampuan untuk menghasilkan inovasi dalam PdPc bahasa Arab dengan menstrukturkan semula suasana PdPc sedia ada kepada suasana PdPc yang mengintegrasikan kit media dan elemen KBAT; contohnya dalam kit media Ayat Kata Kerjaan bahasa Arab yang dibangunkan oleh guru pelatih.

Penggunaan kit media dalam kelas secara tidak langsung telah mengubah situasi PdPc yang tidak hanya berpusatkan guru, sebaliknya pelajar telah dilibatkan secara aktif. Keadaan ini telah dapat menyediakan pengalaman yang bermakna kepada pelajar semasa aktiviti PdPc. Ini kerana, situasi PdPc bahasa Arab di Malaysia sebelum ini lebih cenderung kepada pelajar untuk menguasai asas kandungan subjek yang disebabkan oleh budaya berorientasikan peperiksaan, dan tidak kepada memahami dan menggunakan KBAT (Sulaiman, 2003; Zailani & Dahlan, 2005).

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI, bagi pembiayaan Geran Penyelidikan Universiti (GPU) 2017 dibawah tajuk Integrasi Elemen Pemikiran Aras Tinggi (KBAT) Berdasarkan Kit Media Dalam Amalan Pembelajaran dan Pengajaran Guru-Guru Pelatih Bahasa Arab UPSI. Kod Penyelidikan 2017-0153-106-01.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Abdullah, Ab.Aziz Sulaiman, Wan Ismail Wan Abdullah & Hafisah Zakaria. (2016). Motivasi Pembelajaran Bahasa Arab. Dlm. Zamri Ariffin et al. (Eds.). *Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Abdul Wahab, U. (2014). *Penggunaan Penyusun Grafik dalam Penggunaan Kolokasi Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Chew, F. P. (2006). Pendidikan Kesusastraan Melayu di Malaysia dan Permasalahannya. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 29(1), 143-157.

- Chew, F. P. & Shashipriya Nadaraja. 2014. Pelaksanaan kemahiran berfikir kreatif dan kritis dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(2), 10-24.
- Dale, E. (1969). *Audio-Visual Methods in Teaching* (3rd ed). New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Dick, W. & Carey, L. (1996). *The Systematic Design of Instruction*. New York: Harper Collins.
- Foulger, T. S., Burke, D., Kim Williams, M., Waker, M. L., Hansen, R., & Slykhuis, D. A. (2013). Innovators in teacher education: Diffusing mobile technologies in teacher preparation curriculum. *Journal of Digital Learning in Teacher Education*, 30(1), 21-29.
- Hamza, M. & Griffith, K. (2006). Fostering Problem-Solving & Creative Thinking in the Classroom: Cultivating a Creative Mind. *National Forum of Applied Educational Research Journal*, 19, 1-30.
- Irma-Ain, M. M. S. & Zolkepeli, H. (2017). Kesediaan Guru Mengimplementasikan KBAT dalam Pembelajaran dan Pengajaran Matematik Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 18, 147-159.
- Kamarudin, M. Y. & Ghani, K. A. (2011). Amalan Pentaksiran Bahasa Arab (PKSR) Sekolah Kebangsaan di Negeri Sembilan. *Prosiding Antarabangsa dan Pameran Penyelidikan dalam Islam dan Pendidikan Bahasa Arab*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Mohamad Nurul Azmi, M. N. & Nurzatulshima, K. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): Kesediaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Rendah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 1-5.
- Mohamad Nurul Azmi, M., N., Nurzatulshima, K., Umi Kalthom, A. M. & Mohd Hazwan, M. P. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training*, 3(2), 1-7.
- Mohd Syaubari, O. & Ahmad Yunus, K. (2016). Keberkesanan Permulaan Pengajaran Menerusi Amalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) di dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Online Journal of Islamic Education*, 4(1), 23-35.
- Mohd Syaubari, O & Ahmad Yunus, K. (2017a). Isu dan Permasalahan (PDP) Perlaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibnu Khaldun. *Journal of Human Capital Development*, 10(1), 1-18.
- Mohd Syaubari, O. & Ahmad Yunus, K. (2017b). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Menerusi Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah rendah Negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*, 2(1), 1-14.
- Nazri Atoh, Saipolbarin Ramli & Mohd Zawawi A. H. (2016). Ciri-ciri Guru Bahasa Arab yang Berkualiti. Dlm. Zamri Ariffin (et al.). *Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Nooriza, K. & Effandi, Z. (2015). Integrasi Kemahiran Berfikir Aras tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Jurnal Pendidikan Matematik*, 3(1), 1-12.
- Nor Azza, I. (2013). Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) atau Higher Order Thinking Skills (HOTs) dalam Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam di Malaysia: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Nur Hawa, H., A. & Ghazali, D. (2018). Kesediaan Guru Melaksanakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(3), 22-31.
- Nurzaemah Ismail, Maimun Aqsha, L. & Junaidah Mat, I. (2015). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran Bahasa Arab. Proceeding of the 8th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization.
- Othman, N. & Munada, M. R. (2009). *Persepsi Pelajar Sekolah Agama Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam: Kajian di Sekolah Menengah Al-Amin Gombak, Selangor*. Selangor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Pilus, J. (2011). *Maklum Balas Guru Terhadap Respon Pelajar Semasa Pengajaran Bahasa Arab Tinggi: Satu Kajian Kes*. Tesis PhD. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Rajendran, N. (2001). Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT): kesediaan guru mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Projek Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif (KBKK)*. Pusat perkembangan kurikulum KPM.
- Rajendran, N. S. (1998). *Teaching High-Order Thinking Skills in Language Classrooms: The Need for Transmition of Teaching Practice*. Unpublished doctoral dissertation, Michigan State University, East Lansing, MI: Michigan State University.
- Roblyer, M. & Doering, A. (2010). *Integrating Educational Technology into Teaching* (5th Ed.). Boston, MA: Pearson Education Inc.
- Saipolbarin, Nazri Atoh, Zarima Mohd & Mohammad Ariffin. (2017). I-Kit Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar ISM Bahasa Arab dengan Pendidikan UPSI: Satu Analisis. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 3(7), 79-89.
- Shulman, L. S. (1986). *Paradigms and research programs for the study of teaching*. In M.C. Wittrock (Ed.), *Handbook of Research on Teaching*. New York: Macmillan.
- Sharifah Nor, P., Nor Adibah, G., Mohd Mahzan, T. & Aliza, A. (2012). Keperihatinan Guru Bahasa melayu dalam Melaksanakan kemahiran Berfikir Secara kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2, 19-31.
- Sternberg, R. (2013). What is Cognitive Education? *Journal of Cognitive Education and Psychology*, 12, 4-5.
- Sulaiman, R. (2003). *Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Kemahiran Berfikir dalam Mata Pelajaran Sejarah: Satu Kajian Kes*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suzana, A. M. & Mohammad Zeeree, K. (2017). Pelaksanaan KBAT dalam Pentaksiran Formatif Bagi Slot Tunjang Komunikasi Bahasa Malaysia: Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 1(2017), 18-35.
- Zainudin Maidin. (2018). Bahasa Arab Bukan Lagi Bahasa Sains Teknologi Dan Bidang Profesional. Dipetik dari <http://zamkata.blogspot.com/2018/07/bahasa-arab-bukan-bahasa-sains.html>.
- Zailani, M. A. & Dahlan, H. B. A. M. (2005). Kesedaran Metakognitif Membaca dan Pencapaian Akademik Mata Pelajaran Bahasa. *Jurnal Pendidikan*, 25, 57-63.
- Zamri Arifin & Al Muslim Mustapa. (2016). Kualiti Guru Bahasa Arab dalam Konteks Malaysia: Menangani Persoalan Asas. Dlm. Zamri Ariffin (et al.). *Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*. Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.